

MEDIA SYARI'AH

Wahana Kajian Hukum Islam dan Pranata Sosial

Vol. 17, No. 1, Januari-Juni 2015

Abu Umar Faruq Ahmad & Mohammad Ashraful Mobin

Promoting *Maqāṣid al-Shari`ah* and Achieving Sustainable Economic Development: the Potential of Proposed Two Tier *Mudarabah* Business Model on Cash *Waqf*

Arifin Md.Salleh, Abdul Halim Mohd Noor, Hassan Bahrom, Abdul Rahim Ridzuan & Hamidah Irfan

Landscape of Individual Muslim Giving in Malaysia: an Analysis

Azman Ab Rahman, Zahari Mahad Musa & Siti Martiah Anwar

Polisi Zakat Pendidikan di Malaysia: Suatu Kajian ke Arah Pembentukan Model Institusi Pendidikan

Hanapi Mohd. Nor

Islam and Social Well-Being: Maintaining Economic Security and Beyond

Siti Murtiyani, Dwi Condro Triono, Hery Sasono & Hanifah Zahra

Analisis dan Evaluasi Implementasi Pengelolaan Kepemilikan Umum dan Kepemilikan Negara di Indonesia (dengan Pendekatan *Madzhab Hamfara*)

Tan Sri Muhammad Ali Hashim

Integrating Islamic Agenda in National Development Policy - A Malaysian Experience in Establishing A *Waqf* Corporation

Teguh Murtazam

Managemen Konflik dalam Tubuh Umat Muslim Menurut Al-Quran (Sebuah Pendekatan Tematik Al-Quran)

MEDIA SYARI'AH

MEDIA SYARI'AH

Wahana Kajian Hukum Islam Pranata Sosial
Vol. 17, No. 1, 2015

EDITOR-IN-CHIEF

Ihdi Karim Makinara

EDITORS

Agustin Hanafi

Ali Abubakar

Analiansyah

Bismi Khalidin

Jamhir

Mijaz Iskandar

Mursyid

Mutiara Fahmi

INTERNATIONAL EDITORIAL BOARD

A. Hamid Sarong (Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, BANDA ACEH)

Arskal Salim (Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, JAKARTA)

Al Yasa' Abubakar (Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, BANDA ACEH)

Euis Nurlaelawati (Universitas Islam Negeri, SUNAN KALIJAGA)

Kamaruzzaman Bustamam-Ahmad (Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, BANDA ACEH)

Muhammad Amin Summa (Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, JAKARTA)

Ratno Lukito (Universitas Islam Negeri SUNAN KALIJAGA)

Ridwan Nurdin (Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, BANDA ACEH))

Sonny Zulhuda (International Islamic University, MALAYSIA)

ASISSTEN TO THE EDITOR

Ainun Hayati

Musliadi

Syarbunis

ENGLISH LANGUAGE ADVISOR

M. Syuib

ARABIC LANGUAGE ADVISOR

Fakhrurrazi M. Yunus

COVER DESIGNER

Ikhlas Diko

MEDIA SYARI'AH, is a six-monthly journal published by the Faculty of Sharia and Law of the State Islamic University of Ar-Raniry Banda Aceh. The journal is published since February 1999 (ISSN. 1411-2353) and (ESSN.2579-5090) Number. 0005.25795090 / JI.3.1 / SK.ISSN / 2017.04. earned accreditation in 2003 (Accreditation No. 34 / Dikti / Kep / 2003). Media Syari'ah has been indexed Google Scholar and other indexation is processing some.

MEDIA SYARI'AH, envisioned as the Forum for Islamic Legal Studies and Social Institution, so that ideas, innovative research results, including the critical ideas, constructive and progressive about the development, pengembangan, and the Islamic law into local issues, national, regional and international levels can be broadcasted and published in this journal. This desire is marked by the publication of three languages, namely Indonesia, English, and Arabic to be thinkers, researchers, scholars and observers of Islamic law and social institutions of various countries can be publishing an article in Media Syari'ah

MEDIA SYARI'AH, editorial Board composed of national and international academia, part of which are academicians of the Faculty of Sharia and Law of the State Islamic University of Ar-Raniry Banda Aceh. This becomes a factor Media Syari'ah as prestigious journals in Indonesia in the study of Islamic law.

Recommendations from the editor to scope issues specific research will be given for each publishing Publishing in January and July.



Editor Office :

MEDIA SYARI'AH

Wahana Kajian Hukum Islam dan Pranata Sosial
Fakultas Syariah dan Hukum Islam UIN Ar-
Raniry Banda Aceh, Provinsi Aceh – Indonesia

Email: mediasyariah@ar-raniry.ac.id

ihdimakinara@ar-raniry.ac.id

Webs: jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/medsyar

Telp.+62 (651)7557442,Fax. +62 (651) 7557442

HP : 0823 0400 8070

Table of Contents

Articles

- 1 *Abu Umar Faruq Ahmad & Mohammad Ashraful Mobin*
Promoting *Maqāṣid al-Shari`ah* and Achieving Sustainable
Economic Development: the Potential of Proposed Two
Tier *Mudarabah* Business Model on Cash *Waqf*
- 39 *Arifin Md.Salleh, Abdul Halim Mohd Noor, Hassan*
Bahrom, Abdul Rahim Ridzuan & Hamidah Irfan
Landscape of Individual Muslim Giving in Malaysia: an
Analysis
- 81 *Azman Ab Rahman, Zahari Mahad Musa & Siti Martiah*
Anwar
Polisi Zakat Pendidikan di Malaysia: Suatu Kajian ke Arah
Pembentukan Model Institusi Pendidikan

- 101 *Hanapi Mohd. Nor*
Islam and Social Well-Being: Maintaining Economic
Security and Beyond
- 143 *Siti Murtiyani, Dwi Condro Triono, Hery Sasono &
Hanifah Zahra*
Analisis dan Evaluasi Implementasi Pengelolaan
Kepemilikan Umum dan Kepemilikan Negara di Indonesia
(dengan Pendekatan *Madzhab Hamfara*)
- 171 *Tan Sri Muhammad Ali Hashim*
Integrating Islamic Agenda in National Development
Policy - A Malaysian Experience in Establishing
A Waqf Corporation
- 195 *Teguh Murtazam*
Managemen Konflik dalam Tubuh Umat Muslim Menurut
Al-Quran (Sebuah Pendekatan Tematik Al-Quran)

Polisi Zakat Pendidikan di Malaysia: Suatu Kajian ke Arah Pembentukan Model Institusi Pendidikan¹

*Azman Ab Rahman
Zahari Mahad Musa
Siti Martiah Anwar*

Abstract: *Pendidikan merupakan keperluan asas bagi setiap insan dan untuk memenuhi keperluan ini ia memerlukan kepada kewangan atau dana yang berterusan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti polisi zakat pendidikan di Malaysia. Disamping itu, kajian dijalankan adalah untuk melihat statistik kutipan dan agihan zakat pendidikan di beberapa buah negeri di Malaysia dan hubungkait statistik berkenaan dengan cadangan pembentukan model institusi pendidikan yang*

¹ Kertas kerja ini merupakan sebahagian dari pada dapatan dari kajian yang sedang dijalankan di bawah penyelidikan yang telah diluluskan dan dibiayai oleh Kementerian Pengajian Malaysia (KPM) di bawah *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)*, kod penyelidikan: USIM/FRGS-FSU-32-51413. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan juga kepada Kementerian Pengajian Malaysia (KPM) yang telah membiayai penyelidikan ini dan juga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang sentiasa memberikan sokongan dan galakan dalam usaha menyempurnakan penyelidikan ini.

beroperasi sepenuhnya menggunakan dana zakat. Hasil kajian ini mendapati bahawa cadangan supaya ditubuhkan sebuah institusi pendidikan yang beroperasi sepenuhnya dengan menggunakan dana zakat adalah tidak mustahil untuk dilaksanakan memandangkan dana zakat yang diperuntukkan saban tahun semakin meningkat. Diharapkan kajian ini memberikan gambaran yang jelas kepada semua pihak terhadap polisi zakat pendidikan di Malaysia dan cadangan untuk merealisasikan penubuhan sebuah institusi pendidikan yang menggunakan dana zakat sepenuhnya supaya ia dapat memberikan pendidikan yang berterusan kepada golongan asnaf zakat dan mengatasi masalah keciciran dalam pelajaran di kalangan asnaf zakat.

Keywords: Polisi, zakat, pendidikan, Malaysia

Abstrak: *Polisi menurut kamus dewan edisi keempat memberikan maksud rancangan tindakan yang telah dipersetujui secara rasmi sebagai asas untuk membuat atau melaksanakan sesuatu keputusan atau dasar (Kamus Dewan, 2010). Manakala zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam dan secara teorinya zakat dibayar oleh orang yang kaya atau cukup syarat kepada orang yang miskin dan diagihkan kepada golongan asnaf (Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader, 2010). Zakat pendidikan dalam konteks perbincangan kajian ini merupakan zakat yang telah diagihkan dana zakat dimaksud diharapkan dapat merubah kehidupan yang selama ini mereka geluti. Dalam posisi ini; para pakar yang berpikiran luas dan terbuka cenderung memilih yang kedua. Karena mereka beranggapan bahwa, terutama, shenif fakir dan miskin harus merubah diri mereka atau harus keluar dari lembah kemiskinan dan kefakiran. Kebutuhan akan Amil yang professional seakan setali tiga uang dengan konsep amil pada masa awal; bahwa zakat harus dikelola oleh lembaga Negara merupakan sebuah keniscayaan. Hanya bagaimana format pengelolaan dimaksud pada masa kini masih dalam diskusi yang panjang.*

Kata Kunci: Amil, Konsep Fiqh, Kebutuhan Masa Kini, Reinterpretasi

Kepada golongan asnaf zakat dan merujuk secara khusus dalam bentuk agihan pendidikan. Agihan zakat pendidikan pada masa kini adalah dalam pelbagai bentuk sesuai dengan keperluan golongan asnaf dalam proses pembelajaran dan pendidikan yang berterusan. Disamping itu juga, bagi memenuhi keperluan pelajar yang pada masa kini berhadapan dengan yuran pengajian yang meningkat terutamanya dalam bidang atau kursus-kursus yang kritikal (Najibah Mustaffa dan Mohd Zamro, 2014)

Secara amnya, kajian ini adalah untuk mengenalpasti polisi zakat pendidikan yang dipersetujui dan dilaksanakan oleh pusat urus zakat, lembaga zakat dan unit baitulmal Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. Institusi zakat di Malaysia khususnya pusat urus zakat, lembaga zakat dan unit baitulmal Majlis Agama Islam Negeri di empat belas buah negeri di Malaysia iaitu di negeri Selangor, Melaka, Perak, Negeri Sembilan, Johor, Perlis, Kedah, Sabah, Sarawak, Pahang, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Terengganu dan Kelantan mempunyai polisi tersendiri dalam mengagihkan dana zakat pendidikan kepada golongan asnaf. Ia meliputi aspek jumlah agihan yang diperuntukkan dan juga bentuk bantuan atau skim yang disediakan oleh pusat urus zakat, lembaga zakat dan unit baitulmal Majlis Agama Islam Negeri.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidik bagi kajian ini memilih untuk menggunakan kaedah kajian secara kualitatif. Penyelidikan secara kualitatif ini bertujuan untuk memahami secara mendalam fenomena berkaitan persoalan kajian (Merriam, 2002). Metode penyelidikan secara kualitatif ini juga bertujuan untuk meneroka penyelidikan sarjana berkaitan konsep zakat di Malaysia, skim dan bentuk bantuan zakat yang diberikan oleh institusi zakat di Malaysia kepada

golongan asnaf zakat dari aspek pendidikan dan juga peruntukan negara dalam pembangunan pendidikan.

Pengumpulan data dalam kaedah kualitatif adalah melalui kajian perpustakaan. Manakala metod analisis data menggunakan kaedah induktif. Kajian ini menggunakan 14 sampel iaitu daripada unit Baitulmal, Majlis Agama Islam dan Pusat Zakat di 14 buah negeri di Malaysia iaitu negeri Selangor, Melaka, Perak, Negeri Sembilan, Johor, Perlis, Kedah, Sabah, Sarawak, Pahang, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Terengganu, Kelantan serta Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Metode Pengumpulan Data

Metod pengumpulan data dalam penyelidikan ini ialah kajian perpustakaan (*library research*). Data melalui kaedah ini diperolehi dengan melakukan kajian ke atas rekod dan dokumen-dokumen bertulis. Antara bahan atau dokumen dan rekod yang dirujuk adalah bahan bacaan yang berkaitan dengan zakat, kajian-kajian lepas, dalil dari al-Quran dan hadis, laporan institusi zakat, monograf, laporan ketua audit negara, laporan Kementerian Pelajaran Malaysia dan sebagainya. Data yang diperolehi dari sumber-sumber yang dinyatakan di atas dikaji semula dan menjadi panduan dalam membangunkan model institusi pendidikan melalui pembiayaan dana zakat sepenuhnya.

Metode Analisis Data

Dalam menganalisis data, penyelidik secara umumnya menggunakan metode analisis deskriptif kualitatif iaitu dengan menilai mutu dan kesahihan data tersebut. Untuk menilai mutu dan kesahihan data ini adalah dengan menggunakan kaedah induktif. Metod ini adalah satu kaedah untuk menganalisa data yang terhasil melalui teori-teori dan pemikiran yang ada iaitu membuat kesimpulan yang bersifat khusus.

PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

Polisi Zakat Pendidikan di Malaysia

Kajian ini mendapati bahawa hampir kesemua pusat urus zakat, lembaga zakat dan unit baitulmal Majlis Agama Islam Negeri memberikan zakat pendidikan kepada asnaf zakat khususnya kepada asnaf fakir dan miskin, *fisabilillah*, *ibn sabil* dan *muallaf* seperti di negeri Selangor, Johor, Kelantan, Kuala Lumpur, Perlis, Pulau Pinang dan Sarawak. Antara contoh zakat pendidikan yang sama yang diberikan diberikan adalah dalam bentuk yuran persekolahan, biasiswa, dermasiswa, tiket, pakaian seragam sekolah, bantuan zakat kerana berjaya memasuki universiti di dalam dan luar negara dan sebagainya. Unit Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri Johor memberikan bantuan zakat pendidikan yang sedikit berbeza dengan institusi zakat di negeri lain. Perbezaan zakat pendidikan ini adalah bentuk bantuan basikal pelajar dan bantuan cermin mata. Manakala di negeri Sarawak, perbezaan adalah dari segi bantuan penyediaan tesis. Di samping itu juga terdapat perbezaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari segi bantuan zakat pendidikan bagi pelajar jurusan atau aliran kejururawatan di Kuala Lumpur yang dinamakan bantuan zakat pendidikan kepada pelajar kejururawatan PUSRAWI. Antara contoh zakat pendidikan lain yang ditawarkan oleh institusi zakat boleh diringkaskan seperti dalam Jadwal 3 di bawah.

Jadwal 3: Polisi Bantuan Zakat Pendidikan oleh Institusi Zakat di Malaysia

No	NEGERI	SKIM DAN BENTUK BANTUAN PENDIDIKAN	ASNAF
1	Selangor	Keperluan Pendidikan, Bantuan Yuran Sekolah Rendah dan Menengah, Biasiswa Pelajaran,	Fakir dan Miskin, <i>Mualaf</i> ,

		Elaun Kehadiran Kelas Agama Asas, Dermasiswa, Bantuan Umum Pelajaran, Elaun Guru KAFA, Bantuan Umum Pelajaran Dalam dan Luar Negara, Dermasiswa Pelajar Belajar di Timur Tengah, Dermasiswa Hufaz Quran.	<i>Fisabilillah</i>
2	Negeri Sembilan	Pinjaman dan bantuan zakat pelajar Timur Tengah tajaan MAINS kali ke-2 dan bantuan perkapita Sekolah SMAN, SABK, SAR, KAFA, Tahfiz dan Tadika Islam Tahun 2013 di Royale Bintang, Seremban.	Fakir dan Miskin, <i>Fisabilillah</i>
3	Johor	Skim Bantuan Pelajaran, Skim Bantuan Pendidikan Pendaftaran IPTA, Skim Bantuan Awal Tahun Persekolahan (Pakaian Seragam), Skim Bantuan Basikal Pelajar, Skim Bantuan Cermin Mata, Skim Bantuan Pendidikan di Universiti, Skim Bantuan Pembiayaan Tambang Ke Pusat Pengajian, Skim Pinjaman Pengajian.	Fakir dan Miskin
4	Kelantan	Bantuan Persekolahan, Bantuan Melanjutkan Pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Tempatan (IPT), Biasiswa Kecil Pelajar Yayasan Islam Kelantan (YIK), Bantuan Kepada Sekolah Pondok, Biasiswa Tengku Anis.	Fakir dan Miskin
5	Terengganu	Bantuan Persekolahan, Skim Bantuan Dermasiswa (IPTA/IPTS), Skim Bantuan Pondok/Madrasah.	Fakir dan Miskin
6	Kuala Lumpur	Bantuan Tambang Dalam/ Luar Negeri, Bantuan Am Pelajaran IPT,	Fakir dan Miskin

		Bantuan Pelajar Institut Profesional Baitulmal (IPB), Biasiswa Baitulmal/Insentif Khas Pelajar Cemerlang, Bantuan Peralatan dan Kecemasan Persekolahan, Bantuan Tuisyen, Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran, Bantuan Pelajaran Kolej Kejururawatan PUSRAWI, Bantuan Persediaan IPT.	
7	Perlis	Bantuan Pakaian Sekolah, Bantuan Persekolahan Menengah dan Rendah, Bantuan Sekolah, bantuan Pelajaran, Bantuan Pelajaran Timur Tengah, Bantuan Sekolah dan Institusi Agama.	Fakir dan Miskin
8	Pulau Pinang	Bantuan Pendidikan, Persekolahan, Pakaian Seragam, Permulaan ke IPT Dalam dan Luar Negara, Biasiswa Kecil Sekolah Agama Rakyat, Pendidikan Khusus Kecemerlangan Minda, Kelas Persediaan Belajar, Bantuan Yuran Sekolah Rendah/Menengah, Bantuan Keperluan Pendidikan.	Fakir dan Miskin
9	Sarawak	Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi, Bantuan Pengajian Sekolah Rendah/Menengah, Yuran/Kelengkapan Persekolahan, Bantuan Pengajian ke Timur Tengah, Bantuan Pengajian IPT Bidang Agama, Bantuan Pengajian Sekolah Agama/Arab, Bantuan Pengajian Maahad Tahfiz Al-	Fakir dan Miskin, <i>Fisabilillah</i>

		Quran, Bantuan Kertas Kerja Projek (Tesis).	
10	Kedah	Bantuan Yuran Peperiksaan Penuntut Miskin Sekolah Agama Nidzomi, Bantuan Penuntut Miskin Sekolah Agama Nidzomi, Bantuan Persekolahan Bulanan, Bantuan Persekolahan Sekaligus Penuntut Miskin, Bantuan Pakaian Seragam Sekolah Penuntut Miskin, Bantuan Penuntut Miskin Maktab Mahmud, Bantuan Yuran Penuh Ke IPT Tempatan Penuntut Miskin.	Fakir dan Miskin
11	Melaka	Bantuan Kelas Tuisyen dan Motivasi Pelajar, Pembiayaan Pinjaman Basiswa Pengajian Tinggi Islam, Bantuan Yuran Persekolahan.	Fakir dan Miskin
12	Sabah	Yuran Pendaftaran Pengajian IPT/S, Dermasiswa Pengajian IPT/S, Tiket Penerbangan ke IPT/S di Semenanjung Malaysia.	Fakir dan Miskin, <i>Fisabilillah</i>
13	Perak	Skim Pembangunan Pendidikan	-
14	Pahang	Bantuan Pendidikan Sempurna Anak Asnaf Fakir	Fakir dan Miskin

Statistik Kutipan dan Agihan Zakat

Kutipan dan agihan zakat di seluruh negeri di Malaysia adalah meningkat dari tahun ke tahun iaitu dari tahun 2009 sehingga tahun 2013. Kutipan zakat ini adalah daripada zakat *al-fitr* atau *fitriah* dan zakat harta. Zakat *al-fitr* atau *fitriah* mewajibkan orang Islam untuk membayar jumlah tertentu mengikut nilai makanan ruji di negara tersebut atau jumlah yang setara dengan

nilai makanan ruji atau asasi negara tersebut ketika dalam bulan Ramadhan sebelum umat Islam menyambut lebaran hari raya aidilfitri. Jumlah atau nilai matawang yang setara dengan makan ruji atau asasi tersebut adalah melalui pengishtiharan nisab oleh pusat zakat, lembaga zakat dan unit baitulmal majlis agama Islam negeri pada tahun tersebut dan nisab ini berbeza mengikut negeri seperti di negeri-negeri di Malaysia.


Manakala zakat harta pula boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu zakat perniagaan, zakat pendapatan, zakat simpanan, zakat emas dan perak, zakat Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP), zakat pertanian, zakat ternakan dan zakat galian. Negeri Selangor mencatat jumlah kutipan zakat tertinggi sepanjang tahun diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Manakala jumlah kutipan zakat terendah disepanjang lima tahun iaitu dari tahun 2009 sehingga 2013 adalah di negeri Perlis, Sabah dan Melaka. Jumlah dan statistik kutipan zakat di seluruh negeri di Malaysia dapatlah diringkaskan dalam Jadwal 1 dan Graf 1 di bawah.

Jadwal 1: Jumlah kutipan zakat di 14 buah negeri di Malaysia dari tahun 2009 hingga 2013

BI L	NEGE RI	2013	2012	2011	2010	2009
1	Selangor	517,305, 275.00	451,325, 027.00	394,103, 904.00	336,934, 522.00	283,648 ,722.00
2	Wilayah Persek utuan	484,632, 029.53	402,813, 639.88	341,330, 169.85	282,676, 074.00	243,803 ,789.22
3	Johor	200,000, 000.00	171,900, 000.00	137,400, 000.00	122,336, 032.00	109,231 ,255.00
4	Tereng	121,098,	107,077,	88,274,9	76,447,8	73,524,

	ganu	064.39	967.25	32.37	78.00	193.00
5	Kelantan	114,850,000.00	113,000,000.00	83,500,000.00	70,373,329.00	66,522,450.31
6	Pahang	109,240,524.24	102,875,834.89	82,689,384.43	74,574,869.71	71,868,302.65
7	Perak	109,825,143.00	103,202,759.00	87,419,398.00	70,282,296.00	67,189,291.45
8	Kedah	123,098,353.00	105,800,470.00	102,000,000.00	76,947,140.00	67,578,342.14
9	Pulau Pinang	80,773,499.00	72,296,316.00	58,215,179.00	49,240,837.00	47,952,153.34
10	Negeri Sembilan	78,853,814.12	66,258,925.95	58,636,379.89	51,634,018.31	42,861,533.52
11	Sarawak	60,000,000.00	51,000,000.00	44,100,000.00	39,143,056.00	36,915,094.91
12	Melaka	53,000,000.00	43,512,000.00	37,928,000.00	34,011,770.00	30,721,955.12
13	Sabah	55,000,000.00	48,929,401.12	33,891,152.97	32,856,749.96	25,388,088.73
14	Perlis	43,191,710.33	-	-	38,091,506.00	25,253,015.10

Graf 1: Statistik kutipan zakat di 14 buah negeri di Malaysia dari tahun 2009 hingga 2013



Sumber: Laman sesawang institusi zakat dan sesi temuramah bersama pegawai zakat di seluruh Malaysia

Demikian juga dengan jumlah agihan zakat di setiap negeri di Malaysia yang semakin meningkat saban tahun iaitu dari tahun 2009 sehingga tahun 2013. Agihan zakat kepada lapan asnaf zakat adalah dalam pelbagai bentuk sebagai contoh zakat pendidikan, bantuan sara hidup bulanan kepada orang fakir dan miskin, orang tua kurang upaya dan uzur, bantuan kesihatan, bantuan musibah bencana alam dan sebagainya. Agihan zakat tertinggi yang diagihkan oleh institusi zakat di Malaysia ialah di negeri Selangor dan diikuti oleh wilayah persekutuan Kuala Lumpur. Manakala agihan zakat terendah dapat dilihat di negeri Sarawak, Sabah dan Perlis. Jumlah agihan dan statistik agihan mengikut negeri dari

tahun 2009 sehingga tahun 2013 dapatlah diringkaskan seperti dalam Jadwal 2 dan Graf 2 di bawah.


Jadwal 2: Jumlah agihan zakat di 14 buah negeri di Malaysia dari tahun 2009 hingga 2013

B IL	NEGE RI	2013	2012	2011	2010	2009
1	Selangor	463,472, 826.00	401,717, 682.00	324,190, 848.00	330,364, 503.00	276,622, 582.02
2	Wilayah Persekutuan	435,442, 275.00	388,063, 303.00	246,706, 683.00	184,855, 866.43	174,986, 013.00
3	Perak	101,641, 793.00	82,093,7 42.00	77,210,5 14.00	65,222,8 67.00	59,965,7 62.27
4	Kedah	105,877, 075.00	92,415,1 53.38	79,801,2 98.57	66,061,7 95.27	56,000,7 95.90
5	Pulau Pinang	73,111,6 16.00	70,051,6 41.00	55,468,0 37.00	57,850,9 27.00	49,317,2 71.00
6	Negeri Sembilan	76,833,6 89.98	60,556,5 73.20	59,316,1 97.23	50,566,6 72.62	41,211,7 52.35
7	Kelantan	-	100,850, 000.00	80,339,0 00.00	63,909,0 66.60	56,478,8 42.33
8	Sabah	-	36,654,3 71.08	32,389,9 83.48	26,021,7 89.24	24,365,6 51,48
9	Melaka	-	-	34,231,7 67.00	31,392,5 58.73	32,157,4 84.91
10	Johor	-	143,300, 000.00	-	123,162, 433.0	97,419,6 59.56
11	Sarawak	35,300,0 00.00	-	-	24,087,0 17.06	23,640,6 27.11
12	Terengganu	-	-	-	61,753,7 22.19	52,578,5 84.77

13	Pahang	-	-	-	41,727,546.00	46,753,309.00
14	Perlis	-	-	-	30,723,853.96	26,754,490.65

Tiada data yang dapat diperolehi

Graf 2: Statistik agihan zakat di 14 buah negeri di Malaysia dari tahun 2009 hingga 2013



Sumber: Laman sesawang institusi zakat dan sesi temuramah bersama pegawai zakat di seluruh Malaysia

Statistik Agihan Zakat Pendidikan

Institusi zakat di Malaysia telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar wang dalam pendidikan asnaf zakat. Jumlah peruntukan ini berbeza mengikut tahun ke tahun dan ia bergantung kepada jumlah sebenar permohonan bantuan zakat pendidikan. Institusi zakat hanya akan memberikan dan membayar bantuan zakat pendidikan kepada pemohon yang berjaya dalam permohonan dengan mengisi borang permohonan yang tertentu. Menurut Lembaga Zakat Selangor (LZS), seramai 54,725 orang

menerima bantuan zakat pendidikan di bawah Program Pembangunan Pendidikan Asnaf Zakat Selangor yang melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM 101.2 juta iaitu dalam erti kata lain sebanyak 32% daripada jumlah agihan pada tahun 2013. Daripada lapan bentuk skim dan bantuan zakat pendidikan kepada asnaf zakat iaitu keperluan sekolah, yuran sekolah rendah dan menengah, bantuan am pelajaran, biasiswa, dermasiswa, elaun menghadiri kelas agama, elaun guru KAFA, bantuan umum pelajaran di universiti dalam dan luar negara, biasiswa pelajar timur tengah dan hufaz al-Quran, pengagihan tertinggi adalah kepada guru sekolah KAFA di bawah asnaf *fisabilillah* dengan RM 26.0 juta manakala agihan zakat terendah adalah kepada fakir dan miskin dalam t (Laporan tahunan zakat Selangor, 2013)

Manakala di negeri Kelantan, sebanyak RM 36,641,000.00 diperuntukkan pada tahun 2013 dalam bidang pendidikan asnaf zakat yang melibatkan sembilan bentuk bantuan utama iaitu bantuan melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi tempatan, bantuan am persekolahan, tabung yayasan pengajian tinggi Sultan Ismail Petra, biasiswa Tengku Anis, biasiswa kecil pelajar yayasan Islam Kelantan (YIK), bantuan kepada sekolah pondok, program latihan kemahiran komputer di masjid bandar, program bengkel kemahiran hidup dan program pengajian asnaf lepasan SPM. Agihan tertinggi ialah dibawah bantuan melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi tempatan dengan peruntukan sebanyak RM 28 juta. Manakala agihan yang terendah ialah program latihan kemahiran komputer di masjid bandar Kubang Kerian dan bandar Pasir Mas iaitu sebanyak RM 30 ribu

Di negeri Johor pula, sebanyak RM 11,250,000.00 diperuntukkan dalam zakat pendidikan yang meliputi enam bantuan utama iaitu bantuan pendaftaran IPTA/S, yuran persekolahan, baju sekolah, basikal, pinjaman pelajaran timur

tengah dan dermasiswa timur tengah dan melibatkan sebanyak 3087 pelajar di negeri Johor. Pengagihan tertinggi adalah di bawah pinjaman pelajaran timur tengah iaitu sebanyak 5 juta. Manakala pengagihan terendah adalah di bawah bantuan basikal sebanyak RM 250 ribu. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang juga merupakan negeri yang mencatat jumlah agihan.

NEGERI	SKIM DAN BENTUK BANTUAN	JUMLAH/ JUTA	JUMLAH
Selangor	Keperluan sekolah	15.1	101.2
	Yuran sekolah rendah dan menengah	0.3	
	santuan pelajaran	0.3	
	Biasiswa	5.3	
	Elaun menghadiri kelas agama	1.6	
	Dermasiswa	1.0	
	Bantuan umum pelajaran	1.3	
	Guru KAFAs sekolah	26.0	
	Bantuan am pelajaran di univesiti dalam dan luar negara	17.3	
	Biasiswa pelajar di timur tengah	3.6	
<i>Hufaz</i> al-Quran	1.3		
Kelantan	Bantuan melanjutkan peklajaran ke institusi pengajian tinggi tempatan	28.0	36.0
	Bantuan am persekolahan	3.0	
	Tabung yayasan pengajian tinggi Sultan Ismail Petra	2.1	
	Biasiswa Tengku Anis	2.0	
	Biasiswa kecil pelajar yayasan Islam Kelantan (YIK)	1.5	
	Bantuan kepada sekolah pondok	0.1	
Program latihan kemahiran komputer di masjid bandar	0.03		

	Program bengkel kemahiran hidup	0.3	
	Program pengajian asnaf lepasan SPM	4.8	
Johor	Pendaftaran IPTA	2.1	11.2
	Yuran persekolahan	0.3	
	Baju sekolah	2.6	
	Basikal	0.25	
	Pinjaman pelajaran timur tengah	5.0	
	Derasiswa timur tengah	1.0	
Kuala Lumpur	Bantuan am pelajaran	13.0	60.0
	Bantuan am melanjutkan pelajaran di IPT	17.0	
	Bantuan kemudahan dan kecemasan	4.5	
	Biasiswa dan insentif pelajar cemerlang dalam dan luar negara	4.4	
	Bantuan persediaan IPT	2.2	
	Bantuan tuisyen	0.04	
	Bantuan pelajar (PICOMS) Kolej Perubatan Antarabangsa PUSRAWI students	5.5	
	Bantuan pelajar IPB	11.0	
	<i>Hufaz</i> al-Quran	1.1	

Kedua tertinggi telah memperuntukkan sebanyak RM 60,001,040.73 untuk zakat pendidikan. Pengagihan yang tertinggi adalah di bawah bantuan umum pelajaran di institusi pengajian tinggi (IPT) dengan jumlah sebanyak RM 17,822,610.00 manakala pengagihan yang terendah adalah di bawah bantuan tuisyen iaitu sebanyak RM 44,059.14. Statistik dan butiran lanjut mengenai


bantuan zakat pendidikan diringkaskan seperti dalam Jadwal 3 di bawah.


Jadwal 4: Dana Zakat Yang Diperuntukkan Bagi Zakat Pendidikan

Model Institusi Pendidikan Sepenuhnya Melalui Pembiayaan Dana Zakat

Kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa tiada satu model institusi pendidikan yang beroperasi sepenuhnya menggunakan dana zakat di setiap negeri di Malaysia. Tetapi amalan dan pendekatan yang dilakukan pada masa kini lebih bersifat agihan dana secara berterusan kepada institusi pendidikan. Inovasi ini perlu dilakukan bagi memastikan dana zakat yang disalurkan menepati objektif syariah dalam memastikan golongan asnaf tidak tercicir dalam bidang pendidikan disamping menitikberatkan aspek pemantauan pendidikan secara berterusan. Maka kajian ini bertujuan membentuk satu model institusi pendidikan berteraskan pembiayaan dana zakat sepenuhnya berpandukan kepada prosedur dan peruntukan penubuhan sebuah sekolah swasta dan kolej di Malaysia. Kerangka model yang dicadangkan adalah sebagaimana dalam gambarajah di bawah.

Gambar ajah 1: *Model Institusi Pendidikan Melalui Pembiayaan Dana Zakat*





Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan terhadap jumlah kutipan dan agihan zakat di setiap negeri di Malaysia, adalah tidak mustahil untuk menggunakan dana zakat pendidikan tersebut yang semakin meningkat dari tahun ke tahun bagi menubuhkan sebuah institusi pendidikan yang beroperasi sepenuhnya melalui pembiayaan dana zakat. Disamping itu juga, mengambil kira polisi pengagihan zakat pendidikan di Malaysia yang tidak banyak berbeza di setiap negeri di Malaysia membolehkan satu usahasama dilaksanakan di antara institusi zakat negeri untuk merealisasikan penubuhan institusi pendidikan tersebut. Justeru itu, dengan penubuhan institusi pendidikan

berteraskan dana zakat sepenuhnya ini, polisi zakat yang sedia ada ini dapat disalurkan dengan lebih efektif dan menyeluruh kepada semua asnaf zakat dan secara tidak langsung dapat menangani masalah keciciran dalam pelajaran dan juga masalah-masalah lain yang berkaitan dengan pendidikan asnaf seperti beban pembayaran yuran persekolahan dan pelajaran di pelbagai peringkat sama ada dari sekolah rendah, menengah mahupun di peringkat pengajian tinggi.

RUJUKAN

- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader. (2010). 'Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf : Kajian di Malaysia'. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, vol. 4, no. 1, pp. 141-166.
- Kamus Dewan. (2010). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Tahunan Zakat Johor. (2013). <http://www.maij.gov.my/>
- Laporan Tahunan Zakat Kelantan. (2013). <http://www.e-maik.my/v2/index.php>
- Laporan Tahunan Zakat Kuala Lumpur. (2013). <http://www.maiwp.gov.my/i/>
- Laporan Tahunan Zakat Selangor. (2013). <http://www.e-zakat.com.my/>
- Merriam, S.B. & Associates. (2002). *Qualitative Research in Practice: Examples for Discussion and Analysis*, 2002.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. <http://maip.perlis.gov.my/>
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. <http://www.maiamp.gov.my/>
- Majlis Agama Islam Negeri Johor. <http://www.maij.gov.my/>
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. <http://www.zakat.com.my/>

Najibah Mustaffa dan Mohd Zamro. (2014). 'Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia: Satu Sorotan Literatur'. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* vol. 1, no. 1, pp.45-57.http://jurnalumran.utm.my/index.php/umran/article/view/5/pdf_5

Pusat Kutipan Zakat Negeri Pahang.
<http://www.zakatpahang.my/v2/default.aspx>

Pusat Pungutan Zakat Negeri Sembilan (PPZNS).
www.zakatns.com.my Pusat Urus Zakat Pulau Pinang.
<http://www.zakatpenang.com/>

Pusat Zakat Melaka. <http://www.izakat.com/>

Pusat Zakat Sabah. <http://www.zakat.sabah.gov.my/>